



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

22 FEBRUARI 2022 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRNAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

22 FEBRUARI 2022 (SELASA)

Program Jualan Keluarga Malaysia diperluaskan ke kawasan DUN

Putrajaya: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) kini diperluaskan meliputi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan sambutan menggalakkan terhadap inisiatif bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat itu yang dianjurkan di kawasan Parlimen.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam kenyataan semalam, memaklumkan ia atas permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mahu rakyat pelbagai strata ekonomi di seluruh pelosok negara turut mendapat manfaat daripada PJKM.

Menurut KPDNHEP, 1.18 juta pengunjung membanjiri 775 lo-

kasi PJKM dengan nilai jualan direkodkan melebihi RM22.85 juta hingga 14 Februari lalu.

PJKM dianjurkan setiap minggu serentak di kawasan Parlimen dan lokasinya berdekatan dengan golongan sasaran iaitu berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan 40 peratus sederhana (M40).

Program jualan itu menawarkan pelbagai barang keperluan harian dengan harga berpatutan seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan barang keperluan rumah terpilih.

Pada 2 Disember lalu, Ismail Sabri melancarkan PJKM yang diadakan di semua 222 kawasan Parlimen secara serentak dan

menawarkan barangan keperluan harian pada harga murah antara 20 dan 50 peratus.

PJKM adalah kolaborasi di antara KPDNHEP dengan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta rakan strategik sektor peruncitan. Sejumlah 113 rakan strategik mengambil bahagian dalam program itu.

"Maklum balas pengguna yang diterima rata-rata menyambut baik dan meminta PJKM dilaksanakan secara berkala dan mengakui bahawa harga barang yang dijual dapat meringankan beban kos sara hidup rakyat dalam situasi harga yang dilaporkan kian meningkat," menurut KPDNHEP. BERNAMA

Jualan Keluarga Malaysia diperluas ke kawasan DUN

PUTRAJAYA - Program Jualan Keluarga Malaysia (PKM) kini diperluaskan meliputi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), berikutan sambutan menggalakkan program itu di kawasan Parlimen.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam kenyataan pada Isnin memaklumkan, ia atas permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mahu rakyat pelbagai strata ekonomi di seluruh pelosok negara turut mendapat manfaat daripada PKM.

Menurut KPDNHEP, seramai 1.18 juta pengunjung telah membanjiri 775 lokasi PKM dengan nilai jualan yang direkodkan melebihi RM22.85 juta hingga 14 Februari lepas.

PKM dijalankan setiap minggu secara serentak di kawasan Parlimen dan lokasinya berdekatan dengan golongan sasaran iaitu B40 dan M40.

Program jualan itu menawarkan pelbagai barangan keperluan harian de-



Pelaksanaan PKM adalah inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya pengguna dalam kalangan berpendapatan rendah.

ngan harga berpatutan seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan barangan keperluan rumah terpilih.

Pada 2 Disember lepas, Ismail Sabri melancarkan PKM yang diadakan di kesemua 222 kawasan Parlimen secara serentak dan menawarkan barangan keperluan harian pada harga murah antara 20 dan 50 peratus.

PKM merupakan kolaborasi antara KPDNHEP dengan agensi di bawah Kementerian Pertanian

dan Industri Makanan (MAFI) serta rakan strategik sektor peruncitan. Sejumlah 113 rakan strategik mengambil bahagian dalam program PKM itu.

"Maklum balas pengguna yang diterima rata-rata menyambut baik dan meminta PKM ini dilaksanakan secara berkala dan mengakui bahawa harga barang-barang yang dijual dapat meringankan bebanan kos sara hidup rakyat dalam situasi harga barang yang dilaporkan kian meningkat," menurut KPDNHEP. - *Bernama*

Keluarga Malaysia sales to be expanded to state constituencies

PUTRAJAYA: The encouraging public response to the Keluarga Malaysia Sales Programme (PKM) in the parliamentary constituencies has prompted the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to expand the programme to state constituencies.

The ministry, in a statement yesterday, said the decision was made at the request of Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, who wanted people in all parts of the country to also benefit from the programme.

It said the programme had been carried out at 775 locations as of Feb 14 and it attracted 1.18 million visitors and recorded sales of more than RM22.85 million.

PKM is conducted simultaneously every week in parliamentary constituencies at locations close to the target groups, namely B40 (bottom 40 income) and M40 (middle 40).

The programme offers various daily necessities at affordable prices such as chicken, fish, eggs, vegetables, cooking oil,

sugar, flour, rice; and selected household items.

On Dec 2 last year, Ismail Sabri launched the PKM which was held simultaneously in all 222 parliamentary constituencies, where daily necessities are offered at a price reduction of 20% to 50%.

Feedback received from consumers showed they want PKM to be carried out regularly as the prices of goods sold are cheaper and can help ease the burden of the people, said the ministry. - Bernama